PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan suku ketiga lebih sederhana

Pada suku ketiga 2008, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% (S2 08: 6.7%) ketika ekonomi global mengalami pertumbuhan yang amat lemah dan persekitaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu. Sementara permintaan luaran bersih merosot 14.8% (S2 08: 20%), pertumbuhan ekonomi telah disokong oleh permintaan dalam negeri yang secara relatif kukuh. Dari segi penawaran, pertumbuhan kebanyakan sektor ekonomi adalah sederhana.

Permintaan dalam negeri sederhana

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan sebanyak 6.5% (S2 08: 8.3%) pada suku ketiga didorong oleh penggunaan sektor swasta dan awam yang kukuh.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	11.9	9.1	10.5	8.3	6.5
Penggunaan	11.6	8.7	12.2	9.3	7.8
Sektor swasta	*13.0*	*10.2*	*11.7*	*9.0*	8.1
Sektor awam	*6.0*	*4.2*	*14.7*	*10.9*	6.9
Pembentukan Modal Tetap Kasar	12.8	10.2	6.0	5.6	3.1
Eksport Bersih	1.4	-12.3	26.4	20.0	-14.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*2.9*	*7.8*	*6.0*	*9.7*	*5.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*3.1*	*11.0*	*3.4*	*8.4*	*8.2*
KDNK	**6.7**	**7.3**	**7.4**	**6.7**	**4.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta terus meningkat dengan kukuh sebanyak 8.1%, disokong oleh kesan bayaran bonus kepada kakitangan awam, perbelanjaan semasa musim perayaan dan bayaran rebat tunai bagi subsidi bahan api. Penunjuk penggunaan utama seperti import barangan penggunaan, perbelanjaan pengguna dengan kad kredit dan jualan kereta penumpang baharu terus menunjukkan trend positif. Namun, pertumbuhan penggunaan swasta benar menjadi sederhana disebabkan oleh kenaikan harga barangan pengguna, dengan inflasi purata pada 8.4% pada suku itu. Indeks Sentimen Pengguna MIER lebih tinggi pada 88.9 mata pada suku ketiga (S2 08: 70.6 mata).

Sementara itu, **penggunaan awam** terus berkembang dan mencatat pertumbuhan sebanyak 6.9% pada suku ketiga susulan perbelanjaan untuk emolumen, dan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat 3.1% pada suku ketiga, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan awam yang lebih tinggi. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan yang meningkat pada suku ketiga disalurkan terutamanya kepada sektor pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar, dan pendidikan. Sementara itu, aktiviti pelaburan swasta terjejas oleh sentimen perniagaan yang berhati-hati disebabkan oleh persekitaran luaran yang terus merosot dan harga global dan harga dalam negeri yang meningkat. Indeks Keadaan Perniagaan MIER suku ketiga jatuh di bawah 100 mata (99.6 mata; S2 08: 114.1 mata), mencerminkan jangkaan prospek perniagaan yang kurang optimistik. Selain itu, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam beberapa penunjuk seperti pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan dan import barangan modal menunjukkan aktiviti pelaburan swasta yang lebih lembap.

Sentimen perniagaan kurang optimistik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti dalam kebanyakan sektor sederhana

Dari segi **penawaran**, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor adalah sederhana. Permintaan global yang lebih perlahan telah menyebabkan pertumbuhan sektor perkilangan yang sederhana disebabkan oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lemah. Sebaliknya, industri berorientasikan dalam negeri terus berkembang dengan mampan. Pengeluaran sektor pertanian menjadi perlahan mencerminkan terutamanya pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah ekoran kemerosotan dalam kadar hasil. Sektor perlombongan masih lagi lembap kerana kemerosotan pengeluaran gas asli. Sementara itu, sektor pembinaan menjadi lebih sederhana kerana aktiviti dalam segmen kediaman dan kejuruteraan awam yang lebih rendah. Namun, sektor perkhidmatan meningkat 7.1% (S2 08: 8.2%) mencerminkan pertumbuhan subsektor perbankan dan insurans yang lebih tinggi di samping aktiviti penggunaan yang meningkat pada suku itu.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (pada harga tahun 2000)

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	1.9	4.7	6.3	6.0	3.0
Perlombongan	2.5	3.5	3.7	-0.5	-0.3
Perkilangan	3.3	5.6	7.0	5.6	1.8
Pembinaan	4.7	4.7	5.3	3.9	1.2
Perkhidmatan	10.5	9.3	8.5	8.2	7.1
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**6.7**	**7.3**	**7.4**	**6.7**	**4.7**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**5.0**	**0.8**	**-1.5**	**2.3**	**3.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan terus menerajui pertumbuhan

Sektor perkhidmatan terus menjadi peneraju pertumbuhan yang utama dengan menyumbangkan 3.8 mata peratusan kepada keseluruhan pertumbuhan KDNK. Yang ketara, pertumbuhan dalam subsektor **kewangan dan insurans** lebih tinggi pada 10% (S2 08: 7.5%), terutamanya disokong oleh aktiviti dalam sektor insurans yang bertambah giat dan pemberian pinjaman bank yang mampan pada suku itu. Sebagai mencerminkan perbelanjaan pengguna yang memberangsangkan, pertumbuhan subsektor **perdagangan borong dan runcit** adalah kukuh pada 9.4%. Momentum pertumbuhan subsektor komunikasi pula terus kukuh didorong oleh permintaan yang teguh terhadap perkhidmatan mudah alih, sementara aktiviti dalam subsektor **pengangkutan dan penyimpanan**, dan **elektrik, gas dan air** meningkat dengan lebih sederhana sejajar dengan aktiviti perkilangan yang lembap pada suku itu.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga tahun 2000)

	Bahagian 2007 (%)	2007		2008		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.7**	**12.3**	**10.2**	**8.4**	**6.9**	**6.2**
Kewangan & insurans	19.9	9.3	10.0	9.9	7.5	10.0
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.8	22.2	11.1	4.8	3.9	-1.8
Pengangkutan & penyimpanan	7.0	12.7	12.4	9.9	8.1	5.9
Komunikasi	7.0	7.2	7.2	7.5	7.9	7.4
Perkhidmatan Akhir	**56.3**	**9.2**	**8.6**	**8.6**	**9.2**	**7.8**
Elektrik, gas & air	5.6	2.7	3.0	4.6	4.1	1.7
Perniagaan borong & runcit	22.8	15.2	12.9	11.9	12.6	9.4
Penginapan & restoran	4.4	12.6	12.3	10.0	7.3	4.6
Perkhidmatan Kerajaan	12.9	3.8	5.0	7.5	10.0	11.2
Perkhidmatan lain	10.6	5.9	5.4	5.0	5.0	5.0
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**10.5**	**9.3**	**8.5**	**8.2**	**7.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	117.5	110.7	115.5	70.6	88.9
Indeks Perdagangan Runcit MIER	145.9	141.2	106.1	94.5	116.5
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	131.1	133.6	120.3	107.5	109.2
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.1	7.3	7.6	9.6	9.7
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	6.1	7.2	10.1	15.4	14.0
Import barangan penggunaan	1.2	3.8	5.6	21.3	16.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	4.9	19.0	24.6	27.1	10.5
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	9.7	14.4	9.7	9.4	16.4

Sumber: Pelbagai Sumber

Sektor perkilangan disokong oleh industri berorientasikan dalam negeri

Pertumbuhan nilai ditambah **sektor perkilangan** lebih perlahan pada 1.8% (S2 08: 5.6%) akibat daripada kesan kelembapan ekonomi global. Namun, asas perindustrian yang pelbagai telah menyokong industri berorientasikan dalam negeri untuk terus berkembang, lantas mengimbangi sebahagian daripada kelembapan dalam industri berorientasikan eksport.

Pengeluaran **industri berorientasikan eksport** merosot 0.7% (S2 08: +2.4%), kerana prestasi industri E&E yang lebih lemah. Pengeluaran segmen separa konduktor, dan komputer dan alat ganti menguncup kerana permintaan yang lebih rendah daripada ekonomi maju, yang mengimbangi pertumbuhan mampan produk elektrik. **Industri berasaskan sumber** seperti petroleum, kayu dan pemprosesan di luar estet juga mencatat prestasi yang lebih lembap.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (Harga Malar)	**3.3**	**5.6**	**7.0**	**5.6**	**1.8**
Pengeluaran Keseluruhan	**1.8**	**4.8**	**6.6**	**4.5**	**0.8**
Industri berorientasikan eksport	**1.1**	**3.3**	**4.7**	**2.4**	**-0.7**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	2.1	5.5	3.1	3.0	-4.1
Elektronik	3.9	10.3	3.9	2.9	-6.8
Barangan elektrik	-3.9	-9.5	0.5	3.3	5.6
Bahan kimia dan keluaran kimia	0.3	-1.4	4.3	2.5	7.7
Keluaran petroleum[1]	1.9	3.7	8.2	-2.0	-1.7
Keluaran getah	3.4	1.6	2.4	7.2	2.7
Pemprosesan luar estet	-0.3	12.0	20.2	18.1	3.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**4.6**	**10.9**	**14.8**	**12.6**	**6.9**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan[2]	4.4	5.1	14.6	10.0	7.6
Keluaran logam yang direka	15.0	19.0	16.0	8.7	-7.0
Kelengkapan pengangkutan	-0.6	15.3	25.7	28.5	26.5
Makanan	0.1	8.3	8.9	12.4	5.9

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baharu, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport

[2] Termasuk besi & keluli dan logam bukan ferum serta keluaran galian bukan logam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ini sebahagiannya disebabkan oleh kesan kenaikan harga input pada bulan-bulan awal tahun ini. Bagi industri pemprosesan di luar estet pula, prestasi lembapnya disebabkan oleh peningkatan sederhana dalam pengeluaran komoditi utama. Sementara itu, industri keluaran kimia meningkat dengan kukuh, disokong oleh permintaan terhadap keluaran plastik daripada industri automotif dalam negeri.

Pengeluaran **industri berorientasikan dalam negeri** berkembang 6.9% (S2 08: 12.6%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam industri kelengkapan pengangkutan berikutan permintaan yang mampan terhadap kenderaan bermotor baharu. Pertumbuhan juga disumbangkan oleh pengembangan dalam keluaran berkaitan pembinaan hasil daripada eksport yang lebih tinggi. Industri makanan pula terus mampan disokong oleh permintaan dalam negeri.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan ialah 78% pada suku ketiga (S2 08: 78%), dengan industri berorientasikan eksport dan berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 79% dan 75% (S2 08: masing-masing 79% dan 75%).

Prestasi sektor komoditi lemah

Sektor pertanian meningkat lebih sederhana (3%; S2 08: 6%) disebabkan oleh penurunan yang amat ketara dalam pengeluaran minyak sawit (4.9%; S2 08: 21.8%) berikutan penurunan pengeluaran minyak sawit ketika hasil pengeluaran mula berada pada kitaran menurun, serta pengeluaran getah yang lebih rendah. Meskipun pengeluaran minyak mentah meningkat, pengeluaran **sektor perlombongan** masih lagi lembap (-0.3%; S2 08: -0.5%) disebabkan oleh pengeluaran gas asli yang merosot.

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan *



* Mulai tahun 2004, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2000 kepada nilai tambah tahun 2004

Prestasi Sektor Pertanian

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**1.9**	**4.7**	**6.3**	**6.0**	**3.0**
Tanaman Industri	**-4.0**	**6.1**	**9.1**	**7.2**	**0.6**
Tanaman Makanan	**11.4**	**2.8**	**2.5**	**4.3**	**6.4**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	-0.1	12.9	23.9	21.8	4.9
Getah	-11.0	-7.6	-2.1	-7.8	-4.4
Ikan	-2.6	4.9	0.4	1.9	10.7
Ternakan	2.7	6.5	0.9	4.1	9.9
Eksport (RM juta)					
Antaranya:					
Minyak sawit	58.2	65.2	100.9	84.5	50.0
Getah	-14.0	2.9	30.8	21.8	23.8
Kayu siap digergaji	-3.8	-21.4	-16.5	-18.2	-27.6
Kayu balak	8.0	-18.7	-1.7	10.5	-2.8

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**2.5**	**3.5**	**3.7**	**-0.5**	**-0.3**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	2.4	5.8	7.0	3.6	3.5
Gas asli	-1.9	-1.8	-1.2	-6.8	-6.4
Eksport (RM juta)					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-3.2	32.1	45.0	56.1	52.7
Gas asli cecair	11.8	8.3	24.7	34.8	51.2

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan terus sederhana

Sektor pembinaan berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.2% pada suku ketiga (S2 08: 3.9%) disebabkan oleh aktiviti dalam segmen kediaman dan kejuruteraan awam yang lebih perlahan berikutan kenaikan harga bahan binaan. Namun, ini diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam segmen bukan kediaman, hasil daripada pembinaan ruang pejabat, khususnya di Lembah Kelang.

Penunjuk Pembinaan

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	10.6	-3.1	-6.4	10.9	-30.1
Kelulusan perumahan	-4.7	-6.0	10.4	28.5	-51.5
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	4.4	5.1	14.6	10.0	7.6
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	38.8	27.7	74.4	-12.4	-13.4
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-2.0	38.8	8.3	10.6	5.9[1]

[1]Julai-Ogos 2008

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi meningkat pada suku ketiga

Inflasi meningkat kepada 8.4% pada suku ketiga (S2 08: 4.8%). Kategori *pengangkutan dan makanan dan minuman tanpa alkohol* merupakan penyumbang utama kenaikan inflasi dengan menyumbang sebanyak 83.4% daripada jumlah kenaikan inflasi pada suku ini. Harga dalam kategori pengangkutan meningkat pada kadar purata 20.9% pada suku ketiga (S2 08: 7.1%) berikutan pelarasan harga bahan api yang diumumkan oleh Kerajaan pada 4 Jun 2008. Harga dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* turut meningkat pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan suku sebelumnya berikutan kenaikan tarif elektrik mulai 1 Julai 2008. Harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* meningkat 11.7% pada suku ini (S2 08: 8%).

Tanda-tanda menunjukkan bahawa inflasi telah mencapai paras tertingginya pada suku ketiga. Penurunan harga makanan dan komoditi global dan juga pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana akan meredakan tekanan harga dalam negeri pada masa hadapan. Selain itu, Kerajaan telah menurunkan harga bahan api dalam negeri ekoran harga tenaga yang semakin menurun. Peningkatan bekalan juga telah mengurangkan harga beras.

Inflasi harga pengeluar (IHPR) menjadi sederhana sedikit kepada 11.4% (S2 08: 12.3%) disebabkan oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam komponen IHPR berasaskan komoditi berikutan kejatuhan dalam harga komoditi global. Sementara itu, harga dalam komponen IHPR bukan berasaskan

Sumbangan kepada Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

komoditi terus meningkat, didorong terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan binatang hidup; keluaran berkaitan kimia;* dan *barangan perkilangan yang diklasifikasikan terutamanya mengikut bahan*.

Dari segi komposisi, komponen tempatan dan komponen import IHPR mencatat kadar kenaikan harga yang lebih perlahan. Inflasi dalam komponen tempatan IHPR rendah sedikit pada 15% (S2 08: 15.4%) manakala inflasi dalam komponen IHPR yang diimport menjadi sederhana kepada 4.3% (S2 08: 6.1%).

Keadaan pasaran pekerja stabil

Secara keseluruhannya **keadaan pasaran pekerja** terus stabil memandangkan jumlah permintaan melebihi jumlah pengurangan tenaga kerja. Walaupun menurut laporan Kementerian Sumber Manusia bahawa jumlah pemberhentian pekerja meningkat kepada 11,561 orang pada suku ini, namun pemberhentian pekerja sebenar ialah 3,997 orang (S2 08: 2,821 orang) selepas mengambil kira pengambilan semula seramai 7,500 pekerja oleh pemilik baharu susulan penjualan syarikat. Hampir dua pertiga daripada pemberhentian pekerja berlaku dalam sektor perkilangan. Sementara itu, penunjuk lain dalam pasaran pekerja terus teguh. Bilangan kekosongan jawatan dalam Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) secara relatif tinggi (282,006 jawatan; S2 08: 292,934 jawatan), dipacu terutamanya oleh permintaan kukuh dalam sektor perkilangan. Produktiviti pekerja dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 6.5% (S2 08: 12.2%).

Pertumbuhan eksport menjadi sederhana sedikit

Eksport kasar meningkat 16.9% pada suku ketiga (S2 08: 20.8%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan berterusan eksport komoditi dan eksport perkilangan berasaskan sumber, turut disokong oleh eksport keluaran barangan elektrik. Permintaan eksport berpunca terutamanya daripada pasaran bukan AS, khususnya ekonomi serantau, serta Jepun, Australia dan Kesatuan Eropah (EU). Sementara itu, eksport ke pasaran AS terus menurun. Pertumbuhan import pula lebih tinggi pada 10.3%. Memandangkan pertumbuhan eksport terus mengatasi pertumbuhan import, **lebihan perdagangan** mencatat lebihan tertinggi sekali lagi sebanyak RM41.6 bilion.

Pertumbuhan kukuh eksport **pertanian dan mineral** terutamanya disebabkan oleh harga kontrak hadapan yang lebih tinggi, meskipun harga komoditi global semakin menurun sejak bulan Julai. **Eksport perkilangan**

Keadaan Pasaran Pekerja



* Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 '08
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Imbangan Perdagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2007		2008[1]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**0.9**	**7.6**	**9.9**	**20.8**	**16.9**
Perkilangan	-1.8	1.2	-1.9	12.3	8.5
E&E	*-6.5*	*-2.5*	*-12.2*	*10.7*	*4.5*
Bukan E&E	*6.2*	*7.0*	*12.1*	*14.4*	*14.2*
Pertanian	28.6	37.7	61.2	58.8	37.5
Mineral	3.5	27.4	52.1	51.6	55.8
Import Kasar	**2.0**	**10.9**	**6.8**	**9.9**	**10.3**
Barangan modal	17.5	17.3	7.8	11.3	-1.0
Barangan pengantara	-0.7	13.6	9.0	10.4	17.2
Barangan penggunaan	1.2	3.8	5.6	21.3	16.3
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**28.3**	**28.4**	**26.8**	**40.6**	**41.6**

[1]Pengkelasan perdagangan Malaysia telah disemak untuk mencerminkan perubahan dalam kod perdangangan antarabangsa iaitu *Harmonised System (HS)*, *ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN)* dan *Standard International Trade Classification (SITC)*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

meningkat pada kadar lebih sederhana, disokong terutamanya oleh eksport keluaran berasaskan sumber dan keluaran elektrik. Eksport keluaran berasaskan sumber seperti bahan kimia dan keluaran kimia, produk getah dan keluaran kayu kian meningkat, mendapat manfaat daripada harga komoditi yang kukuh dan permintaan yang mampan. Eksport keluaran logam dan plastik juga menyokong pertumbuhan eksport perkilangan. Eksport keluaran elektrik yang lebih kukuh disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi dari RR China, Korea, Jepun dan AS. Sementara itu, eksport elektronik mencatat pertumbuhan negatif terutamanya disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah untuk komputer dan alat ganti.

Import kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 10.3% (S2 08: 9.9%), disebabkan terutamanya oleh **import barangan pengantara** yang lebih tinggi, khususnya input pengantara bagi industri berasaskan sumber, seperti bahan kimia, bahan api dan pelincir, dan input untuk industri E&E. Pertumbuhan **import barangan penggunaan** disokong terutamanya oleh permintaan untuk makanan diproses dan minuman serta barangan pengguna tahan lama. Sementara itu, **import barangan modal** menjadi sederhana pada suku tersebut.

Malaysia: Destinasi Eksport

	2007		2008			2007		2008		
	S2	S3	S1	S2	S3	S2	S3	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-18.6**	**-15.8**	**-17.5**	**0.0**	**-9.9**	**15.5**	**14.3**	**12.9**	**13.0**	**11.9**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**0.5**	**-3.2**	**2.3**	**-3.5**	**1.0**	**12.8**	**12.5**	**11.9**	**10.7**	**11.1**
Negara ASEAN terpilih[2]	**-0.6**	**15.0**	**13.9**	**23.9**	**20.7**	**25.0**	**26.4**	**26.7**	**25.5**	**25.8**
Negara Timur Laut Asia	**4.9**	**19.2**	**3.5**	**35.7**	**26.8**	**19.6**	**20.5**	**18.9**	**21.8**	**21.1**
Republik Rakyat China	*15.0*	*32.5*	*12.5*	*55.3*	*35.4*	*9.2*	*9.5*	*8.3*	*10.4*	*10.7*
Hong Kong SAR	*-2.1*	*13.1*	*-13.7*	*34.9*	*9.4*	*4.6*	*4.7*	*3.6*	*5.1*	*4.3*
China Taipei	*-7.5*	*1.6*	*-4.5*	*6.3*	*14.2*	*2.7*	*2.6*	*2.4*	*2.6*	*2.6*
Korea	*1.0*	*11.5*	*9.5*	*17.9*	*38.1*	*3.1*	*3.7*	*4.7*	*3.8*	*3.6*
Asia Barat	**30.2**	**2.6**	**25.5**	**38.5**	**54.6**	**3.4**	**2.9**	**3.4**	**3.8**	**4.5**
India	**8.3**	**2.5**	**24.1**	**39.8**	**19.1**	**3.6**	**3.4**	**3.5**	**3.7**	**3.7**
Jumlah eksport	**0.9**	**7.6**	**9.9**	**20.8**	**16.9**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 mulai tahun 2007
[2] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran keluar bersih dana portfolio dan pelaburan luar negeri lebih besar

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing (FDI)**[2] meningkat kepada RM21.5 bilion pada suku ketiga (S2 08: RM12.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran masuk pinjaman antara syarikat yang lebih tinggi. Aliran masuk modal ekuiti menjadi sederhana pada suku ketiga yang sebahagian besarnya mencerminkan pemberian pembiayaan jangka pendek oleh MNC asing dalam sektor minyak dan gas kepada anak syarikat mereka di Malaysia. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar berikutan pembayaran balik pinjaman jangka pendek ini, FDI bersih berjumlah RM2.7 bilion (S2 08: RM8.6 bilion). FDI bersih sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor perkhidmatan, minyak dan gas, dan perkilangan. Dalam sektor perkhidmatan, aliran masuk tertumpu pada kewangan, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, aliran masuk dalam sektor perkilangan disalurkan kepada industri E&E dan industri hiliran berkaitan petroleum.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat peningkatan yang lebih besar berjumlah RM16.1 bilion (S2 08: -3.6 bilion), terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan luar negeri dalam sektor perkhidmatan mencerminkan terutamanya pemerolehan kepentingan strategik dalam sektor kewangan di Indonesia dan Vietnam, di samping pelaburan dalam sektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, pelaburan luar negeri dalam sektor perkilangan sebahagian besarnya disalurkan kepada industri E&E dan simen.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM38.4 bilion pada suku ketiga (S2 08: -RM31 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran balik hutang yang lebih ketara berikutan kegagalan institusi kewangan utama di AS dan Eropah. Ini telah menyebabkan pelabur asing mengurangkan pendedahan mereka dalam pasaran ekuiti dan bon tempatan akibat daripada proses pembayaran balik hutang tersebut.

[2] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Hutang luar negeri terus rendah

Pada akhir bulan September 2008, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM248.8 bilion atau USD71.3 bilion (akhir bulan Jun 08: RM236 bilion atau USD71.5 bilion), bersamaan dengan 35.5% Pendapatan Negara Kasar (PNK). **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** yang lebih tinggi iaitu RM152.7 bilion mencerminkan terutamanya ambilan hutang bersih oleh sektor swasta (+RM2.7 bilion) dan kerugian penilaian semula pertukaran asing berikutan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama pada suku tahun tersebut. Sementara itu, sektor awam terus mencatat pembayaran balik bersih (-RM0.4 bilion).

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** bertambah kepada RM96.1 bilion atau USD27.5 bilion disebabkan oleh kerugian penilaian semula pertukaran asing dan peminjaman antara bank yang lebih tinggi berikutan operasi perbendaharaan.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2008	
	S2	S3[a]
	RM bilion	
Hutang jangka sederhana dan panjang	143.1	152.7
Sektor awam	75.0	78.9
Sektor swasta	68.1	73.8
Hutang jangka pendek[1]	92.9	96.1
Jumlah hutang luar negeri	236.0	248.8
- Bersamaan USD bilion	71.5	71.3

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM379.3 bilion (bersamaan dengan USD109.7 bilion) pada 30 September 2008. Paras rizab pada 30 September 2008 telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi penambahan nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan yen dan dolar AS berbanding dengan ringgit pada suku tahun tersebut. Rizab berjumlah RM343.8 bilion (bersamaan dengan USD 99.7 bilion) pada 14 November 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 3.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin.

Pengembangan operasi fiskal

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih tinggi pada suku ketiga, mengakibatkan defisit fiskal keseluruhan sebanyak 3.9% daripada KDNK. Ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih besar bagi pembayaran subsidi dan emolumen berikutan bonus setengah bulan yang diberikan kepada pegawai kerajaan pada bulan September. Perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi turut dicatat pada suku ketiga, terutamanya disebabkan oleh bertambahnya perbelanjaan dalam sektor pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar, dan pendidikan. Sementara itu, hasil kutipan juga lebih tinggi berikutan pertambahan hasil berkaitan minyak. Defisit ini dibiayai terutamanya daripada peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan September, hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM288.1 bilion atau 40.2% daripada anggaran KDNK pada tahun 2008.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



a Awalan
Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	33.3	48.2	28.0	39.9	45.7
% pertumbuhan	*4.4*	*40.0*	*15.4*	*16.6*	*37.3*
Perbelanjaan mengurus	33.7	42.9	30.4	32.9	41.4
% pertumbuhan	*17.1*	*7.3*	*40.3*	*32.6*	*22.7*
Akaun semasa	**-0.4**	**5.3**	**-2.5**	**7.0**	**4.3**
% daripada KDNK	***-0.3***	***3.0***	***-1.4***	***3.7***	***2.2***
Perbelanjaan pembangunan kasar	10.8	18.2	5.3	9.0	12.5
% pertumbuhan	*19.0*	*-6.0*	*-0.3*	*43.8*	*16.2*
Imbangan keseluruhan	**-11.1**	**-10.5**	**-7.7**	**-1.9**	**-7.8**
% daripada KDNK	***-6.7***	***-5.9***	***-4.4***	***-1.0***	***-3.9***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	44.5	61.1	35.7	41.8	53.9
% pertumbuhan	*17.5*	*3.0*	*32.3*	*34.8*	*21.1*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	271.5	266.7	275.1	285.1	288.1
% daripada KDNK	*42.3*	*41.6*	*38.4*	*39.8*	*40.2*
Hutang dalam negeri	250.6	247.1	256.8	266.8	268.7
% daripada KDNK	*39.0*	*38.5*	*35.9*	*37.3*	*37.5*
Hutang luar negeri	20.9	19.6	18.2	18.4	19.4
% daripada KDNK	*3.3*	*3.1*	*2.5*	*2.6*	*2.7*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan